

IBADAT RASULULLAH

Perkara Kitab:

ṣalla Allāh ‘alayhi wa sallam

Utusan Melayu dalam rencana pengarangnya 25.7.58 telah menulis mengenai kitab *Ibadat Rasulallah* (S) yang diterbitkan oleh Percetakan Qalam. Rencana ini adalah rencana yang insaf yang menghendaki diadakan penyelidikan oleh Raja-raja Melayu sebelum mengambil keputusan muktamad mengharamkan kitab itu supaya kebebasan memberi faedah tidak dikongkong. Rencana pengarang Utusan Melayu itu seperti berikut:

“*Ibadat Rasulallah*” kitab karangan Ustaz

Abu Bakar al-Ashaari Perlis telah mengocakkan ketenangan fikiran umat Islam negeri ini dalam beberapa persoalan agama Islam yang selama ini agak samar-samar dan gelap di setengah-setengah kalangan umat Islam disebabkan kurang mendalamnya pengajian mereka terhadap selok-belok agama Islam yang mereka anuti sejak zaman berzaman. Selain dari itu kitab tersebut telah menimbulkan pertentangan dalam pertikaian di antara

(sambungan dari muka 26)

Demikian maḍmūn sebahagian dari perintah-perintah yang dijelaskan oleh al-Qur’ān al-Karīm.

Perpaduan umat Islam yang diikat oleh kalimah Tauhid telah diisyaratkan oleh Allah ‘Azza wa Jalla dengan firmannya yang bererti:

“Sesungguhnya kamu ini menjadi yang satu dan Akulah Tuhan kamu, maka sembahlah akan Daku.”

Umat Islam yang diikat oleh ikatan Islam yang kukuh itu telah diingatkan oleh Allah yang bermaksud:

“Janganlah kamu berbantah-bantah yang menyebabkan kamu berpecah-belah, dan kerana itu akan hilanglah kekuatan kamu.”

para alim ulama dan cerdik pandai agama kita dalam negeri ini.

Pertentangan pendapat dan pertikaian antara para para alim-ulama kita terhadap beberapa persoalan yang dikemukakan oleh Ustaz Abu Bakar al-Ashaari menerusi kitab karangannya, membayangkan soal-soal agama adalah antara persoalan-persoalan yang hidup dan bergerak, tidak jumud dan beku kaku saja seperti apa yang dianggap oleh setengah-setengah golongan puak. Dari situ ternyata bahawa umat Islam dalam negeri ini adalah umat Islam yang hidup dan bergerak mengikut proses perkembangan dan pergolakan yang berlaku setiap hari dan ketika di sekeliling mereka. Ini sungguh mengembirakan kita kerana tiap-tiap benda yang bergerak dan bergolak itu akan melahirkan hasil-hasil yang baik dan tinggi nilainya, kita berharap demikianlah hendaklah dengan keadaan umat Islam di negeri ini.

Beberapa orang alim-ulama telah mengambil bahagian melahirkan pendapatnya menerusi akhbar-akhbar tempatan menerang¹ dan menentang pendapat yang dilahirkan oleh *Ustadh* Haji Abu Bakar al-Ash‘ārī dalam kitabnya. Dalam masa mereka melahirkan pendapat dan penentangan terhadap kitab tersebut ada di antaranya yang melahirkan pendapatnya mengikut garis-garis atau dasar ilmu pengetahuan dalam mencari kebenaran, dalam pada itu pun tak juga kurang terdapat mereka yang melahirkan pendapat dan penentangan mengikut perasaan dan rasa hati semata dan kadang-kadang ternyata dalam tulisan-tulisan mereka itu kemarahan dan kebencian terhadap “lawannya” tegasnya

¹ menyerang